

Empat binaan atas rizab jalan tanpa kelulusan diroboh serta-merta

OPERASI meroboh struktur yang dibina di atas rizab jalan awam secara haram di Bandar Tun Razak.

Kuala Lumpur: Empat unit struktur yang dibina di atas rizab jalan awam secara haram di sekitar Bandar Tun Razak di sini, dirobohkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam operasi bersepadu, Rabu lalu.

DBKL dalam kenyataan berkata, operasi itu turut melibatkan agensi Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Pengurusan Air Selangor

Sdn Bhd serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

“Sebanyak empat unit struktur yang dibina di atas rizab jalan awam tanpa kelulusan dikenakan tindakan roboh serta-merta mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

“
Semua sisa struktur yang dirobohkan juga sudah dilupuskan oleh DBKL
DBKL

“Kesemua sisa struktur yang dirobohkan juga sudah dilupuskan oleh DBKL selepas operasi selesai,” katanya dalam satu kenyataan di Facebook, semalam.

Kenyataan itu berkata, pihaknya akan meneruskan tindakan dan pemantauan dan sebarang aduan boleh disalurkan di pautan <https://adukl.dbkl.gov.my>.



JABATAN PENGUATKUASAAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

